

Maklumat Kursus

1. **Kod Kursus** : PPSU4303
2. **Nama Kursus** : Perbankan Islam dan Takaful
3. **Kredit** : 3
4. **Taraf Kursus** : Teras Modul Muamalat dan Kewangan Islam (WJ)

5. **Sinopsis:**

Kursus ini membincangkan teori serta pelaksanaan perbankan Islam dan takaful dalam konteks kewangan Islam di Malaysia. Ia melibatkan perbincangan teori, prinsip dan kerangka kerja pengawalseliaan serta penyeliaan (regulatory and supervisory framework) seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Kursus ini juga mendedahkan bentuk-bentuk produk, polisi serta operasi perbankan Islam dan takaful di samping menganalisis beberapa kajian kes dalam perbankan Islam dan takaful. Seterusnya, beberapa isu semasa serta cabaran yang dihadapi oleh perbankan Islam dan takaful turut dibincangkan secara kritis

6. **Pra-Keperluan:**

Tiada.

7. **Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:**

- HPK1 :** Berkebolehan untuk menilai teori dan konsep perbankan Islam dan takaful menurut perspektif kewangan Islam semasa;
- HPK2 :** Berkebolehan untuk menganalisis keperluan semasa kerangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan perbankan Islam dan takaful di Malaysia;
- HPK3 :** Berkebolehan untuk menilai operasi dan produk perbankan Islam dan model takaful yang diaplikasikan;
- HPK4 :** Berkebolehan untuk meneliti semula produk perbankan Islam dan takaful mengikut situasi dan cabaran semasa.

